



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA, DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA LAWATAN KERJA
YANG BERHORMAT DATO' SRI SHABERY CHEEK
MENTERI BELIA DAN SUKAN, MALAYSIA**

**HARI JUMAAT, 29 REJAB 1432 BERSAMAAN 01 JULAI 2011
JAM 8.00 MALAM**

**BERTEMPAT
GRANDSTAND 3
JERUDONG GOLF & COUNTRY CLUB**

Please Check Against Delivery

Bismillahir Rahmanir Rahim

*Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala Sydina Mursalin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.*

Yang Berhormat,
Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Yang Berbahagia,
Datin Sri Che Sharifah bte Ismail

Yang Mulia,
Datin Hajah Adina bte Osman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tuan Yang Terutama,
Dato Abdullah Sani Omar, Persuruhjaya Tinggi Negara Malaysia ke Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia,
Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Hj Mohd Jaafar, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Berhormat,
Dato Paduka Haji Sa bali bin Abbas, Jurutulis II, Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia,
Dato Paduka Haji Sofry bin Ghafor, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

Yang Mulia,
Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim
Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Berbahagia,
Dato' Zolkeples bin Embong, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia

Yang Mulia,
Pegawai-pegawai Kanan delegasi dari Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Mahlis Sukan Negara Malaysia

Pegawai-Pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan para jemputan khas, para Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat Malam

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rasa gembira dan sukacita mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dan Datin Seri Che Sharifah beserta rombongan dari Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Majlis Sukan Negara Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Lawatan Yang Berhormat ini yang mana akan dimeterai dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman bagi kerjasama dibidang Belia dan Sukan, akan mengerat dan memperkukuhkan lagi hubungan persaudaran dan persahabatan yang akrab dan mesra di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam yang sudah sekian lama wujud.

Di kesempatan ini juga, sukacita saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek di atas beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh atlit-atlit Malaysia di beberapa kejohanan sukan diperingkat antarabangsa serta kejayaan beberapa pemain Malaysia menduduki ranking utama dunia. Saya berharap Negara Brunei Darussalam akan dapat mencontohi dan menimba pengalaman daripada kejayaan Malaysia ini.

Melihat kepada kedudukan geografi dan sudut sejarah, Bahasa dan kebudayaan, Brunei Darussalam dan Malaysia adalah merupakan dua buah negara berjiran yang terdekat yang mempunyai pertalian bangsa yang serumpun dengan hubungan sejarah yang panjang serta banyak persamaan dibidang kebudayaan yang diperkukuhkan oleh ikatan kesultanan Melayu, bahasa dan ugama.

Daripada aspek sosial dan ekonomi, Brunei dan Malaysia mempunyai hubungan kerjasama yang meluas dan sangat baik di pelbagai bidang seperti Perkhidmatan Awam, Keselamatan dan ketenteraan, perdagangan dan pelaburan, kesihatan, pendidikan, pelancungan dan kebudayaan. Sebahagian besar jalinan kerjasama diantara Malaysia dan Brunei Darussalam didukung oleh penandatanganan beberapa memorandum persefahaman bagi kerjasama diantara kedua buah negara.

Yang sangat penting sebagai pemangkin kepada hubungan kerjasama yang kukuh dan sangat baik ini ialah, ianya diterajui dan dihasilkan daripada hubungan yang sangat akrab dan mesra diantara pemimpin atasan kedua dua buah negara iaitu KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Malaysia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan hasrat mereka untuk terus memperkukuh dan mempertingkatkan hubungan rakyat dan kerajaan melalui memperluaskan bidang bidang kerjasama yang mendatangkan manfaat kepada pembangunan rakyat dan negara serta menyumbang kepada keamanan dan pembangunan serantau dan antarabangsa.

Keperluan untuk mengadakan memorandum persefahaman bagi kerjasama di bidang Belia dan Sukan diantara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia ditekankan lagi didalam Mesyuarat Perundingan Tahunan Ketua Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia kali yang ke14 pada bulan September 2010.

Hubungan yang sudah sedia ujud perlu diasuh dan kembangkan dan seharusnya "Not to be taken for granted". Ianya perlu diangkat, tanamkan, fahami kembangkan dan teruskan oleh generasi seterusnya di kedua dua buah negara melalui platform belia dan sukan. Ini memandangkan belia belia adalah merupakan sebagai aset negara yang berharga, dan pemimpin masa depan kita.

Manakala melalui kesukuan kita akan dapat memupuk semangat setiakawan dan persaudaraan yang sihat dikalangan generasi muda Brunei Darussalam dan Malaysia.

Dalam kontek ini, Negara Brunei Darussalam adalah sangat menyambut baik cadangan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bagi mengadakan memorandum persefahaman kerjasama dibidang Belia dan Sukan diantara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Ianya dapat memperkukuh dan mengembangkan lagi kerjasama yang sedia ada yang sudah di tahap yang sangat baik dibidang Belia dan Sukan diantara kedua buah negara.

Dalam waktu yang sama kerjasama di bidang belia dan sukan adalah sangat signifikan kearah lonjakan pencapaian kecemerlangan pembangunan belia dan kemajuan sukan di kedua buah negara, khususnya Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam akan menimba dan berkongsi pengalaman dengan Malaysia kearah membangun dan mengembangkan penglibatan belia belia pada menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara dan menghadapi cabaran cabaran globalisasi.

Melalui Memorandum Persefahaman yang akan ditandatangani, akan lebih banyak lagi program program pertukaran lawatan , perhimpunan, latihan dan kerjasama belia yang menjurus kepada kepimpinan, keusahawanan, intelektual, kebudayaan dan kemasyarakatan akan dapat dilaksanakan secara meluas diantara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Dalam hubungan ini, perbincangan di peringkat pegawai-pegawai kanan di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Belia dan Sukan Negara Malaysia adalah dialu-alukan ke arah lebih banyak jalinan kerjasama antara kedua buah Negara khususnya dalam pembangunan Belia dan Sukan.

Negara Brunei Darussalam berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia dan beberapa pertubuhan belia dan Sukan di Malaysia atas sokongan dan jemputan berterusan bagi Negara Brunei Darussalam menyertai beberapa program belia dan sukan dalam bentuk bengkel, seminar, persidangan, latihan, lawatan-lawatan kerja dan kejohanan-kejohanan serantau dan antarabangsa seperti Sukan BIMP-EAGA, Sukan Borneo dan Sukan SUKMA. Penyertaan Negara Brunei Darussalam ke Sukan SUKMA sebanyak lima kali semenjak tahun 2002 telah dapat membangunkan sukan remaja di negara ini bukan sahaja sebagai tempat pendedahan untuk bersaing tetapi juga dapat merapatkan lagi persahabatan di antara kedua negara.

InsyaAllah, pada esok hari, satu lagi sejarah kerjasama kedua buah negara dengan Majlis Penandatangan *Memorandum Persefahaman Kerjasama di bidang Belia dan Sukan* di antara kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan tercatat.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi sukacitanya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Datin Seri dan rombongan dan berterima kasih di atas sokongan yang telah diberikan kepada Negara Brunei Darussalam selama ini.

Saya berharap Yang Berhormat Dato', Datin Sri dan rombongan bergembira dengan program lawatan dan perlawanan sukan yang telah diaturkan. Semoga jalinan persahabatan ini diberkati dan diredhai Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian.

*Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*